

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**SOALAN :**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan prestasi Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan di setiap kawasan Parlimen, apakah halangan yang dihadapi untuk memupuk perpaduan rakyat berbilang kaum yang lebih suka duduk dan bergiat secara berasingan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang sehingga 20 Jun 2019, lantikan semua ahli Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) di 13 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan telah selesai.

Dari segi pelaksanaan program dan aktiviti, sebanyak **398 program dan aktiviti** MPPWP telah dilaksanakan mengikut pecahan seperti berikut :

<b>Bil.</b>	<b>Parlimen</b>	<b>Program</b>
1	Kepong	20
2	Bandar Tun Razak	3
3	Cheras	59
4	Batu	30
5	Setiawangsa	11
6	Titiwangsa	70
7	Segambut	16
8	Bukit Bintang	52
9	Lembah Pantai	15
10	Seputeh	4
11	Wangsa Maju	7
12	Labuan	26
13	Putrajaya	85
<b>JUMLAH</b>		<b>398</b>

Sepanjang pelaksanaan program dan aktiviti oleh MPPWP, Kementerian Wilayah Persekutuan mendapati tiada sebarang isu atau masalah berhubung penyertaan rakyat berbilang kaum di dalam program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh MPPWP.

Halangan yang perlu dihadapi oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dalam memupuk semangat perpaduan adalah berkaitan penyelarasan dengan pelbagai pihak dan pertubuhan yang mewakili masyarakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.